

Laporan tak benar sekat kemasukan pelabur asing

Daripada G. MANIMARAN

UM 2 1 AUG 2001

KAMPALA (Uganda) 20 Ogos Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kegagalan media massa untuk melaporkan kebenaran mengenai pembangunan akan memusnahkan kemasukan pelaburan asing ke sesebuah negara.

Beliau menegaskan, jika benar pengamal-pengamal media mendakwa berpegang kepada prinsip kebenaran, mereka juga wajar melaporkan kebenaran sesuatu perkembangan termasuk usaha pemimpinnya untuk memajukan negara dan memakmurkan rakyat.

“Saya ingin mengatakan jika anda mahu menyatakan kebenaran, bersiap sedia untuk mengatakan aspek benar.

“Saya memang ingin melihat akhbar menyiarkan yang benar,” kata beliau ketika memberikan pandangan pada sesi dialog dengan pengamal-pengamal media pada Global 2001 di sini, semalam.

Sesi interaksi itu diadakan sempena majlis menandatangani Deklarasi Pembentukan Rangkaian Berita Smart News Network International (SNNi).

Pada sesi itu, pemimpin-pemimpin mengemukakan soalan kepada wakil media massa mengenai liputan yang tidak seimbang dan keengganan menyatakan kebenaran.

Dr. Mahathir menambah, SNNi dilancar di sini hari ini dengan tujuan, memiliki saluran berita alternatif bagi mendapatkan laporan sesuatu kejadian atau isu supaya tidak bergantung kepada sumber agensi berita dan media antarabangsa, yang dikuasai oleh negara maju.

“SNNi akan bertindak untuk membekalkan berita dari rantau Afrika ke negara-negara Afrika dan ke Malaysia.

“Menerusi SNNi, anda boleh melakukan banyak perkara baik untuk membantu Afrika termasuk dari segi pelaburan,” tambah beliau.

Kawalan

Dr. Mahathir menjelaskan, beliau terpaksa mempercayai media mempunyai kawalan ekoran pengalaman di Malaysia yang membolehkan akhbar *Asian Wall Street Journal* dan *Herald Tribune* diterbitkan tanpa kawalan ketat kerajaan.

“ASWJ dan *Herald Tribune* dicetak di Kuala Lumpur, dan diedarkan di Kuala Lumpur, malah diedarkan ke seluruh dunia.

“Mereka tidak pernah mengadu bahawa kami cuba mengawal kandungan dalam akhbar mereka.

“Mereka ada kebebasan untuk mencetak akhbar mereka di Malaysia dan kemudian merendah-rendahkan Malaysia setiap kali dan kami tidak menghalang mereka dari berbuat demikian,” katanya.

Beliau turut menceritakan pengalamannya selepas meluangkan niasa kira-kira seminggu dengan wartawan-wartawan kanan media asing termasuk majalah *Asiaweek*, awal tahun ini.

“Mereka mengambil gambar saya, saya membuat semua untuk mereka. Berdiri di tasik, di bawah matahari. Saya menunggang kuda, mereka ingin melihat apa yang saya buat sepanjang satu hari.

Ucapan

“Pada hari Ahad, saya akan pergi membeli-belah. Apabila saya pergi ke pusat membeli-belah, orang ramai datang dan menyatakan ucapan dan sebagainya. Mereka pun bercakap dengan saya, sesetengah ingin mengambil gambar dengan saya, mereka tiada kamera. Mereka meminta wartawan berkenaan mengambil gambar.

“Anda tahu apa yang disiarkan kemudian? Mereka kata orang ramai takut untuk menemui Perdana Menteri yang pergi ke pusat membeli-belah,” katanya.

Oleh itu, tegas beliau, bagi majalah berkenaan laporan yang disiarkan adalah kebenaran dan meminta pembaca mempercayai bahawa orang ramai takut untuk menemui Perdana Menteri Malaysia.

“Itu apa yang dilaporkan,” kata beliau yang membalas jawapan seorang wartawan asing yang mahu pemimpin-pemimpin negara peserta menyatakan kebenaran kepada media untuk memperoleh maklumat kedudukan sebenar. Tambah Dr. Mahathir, beliau tidak kisah apabila *Asiaweek* menyiarkan gambar untuk memberi gambaran bahawa beliau sudah terlalu lama memimpin dengan memaparkan wajahnya seolah-olah uzur.

Bagaimanapun tegas beliau: “Saya merasakan wujud keadaan terdesak untuk memusnahkan (perwatakan dan keadaan ekonomi). Mengapa nak membinasakan? Mengapa tidak menyatakan yang benar?”

“Sesetengah orang membaca akhbar untuk membuat keputusan dan sesetengah mengenai pelaburan,” katanya. — *Utusan*